



24 JUN, 2023

Program FAMA Fest akan diperluas ke seluruh negara

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 1



RASMI: Chan (dua, kiri) memalu gong bagi menandakan perasmian Perak FAMA Fest 2023 di Pusat Transformasi Luar Bandar Gopeng, kelmarin. — Gambar Bernama

Program FAMA Fest akan diperluas ke seluruh negara

PENGANJURAN program Fiesta Makanan, Bunga dan Buah (FAMA Fest) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan diperluaskan ke seluruh negara, bagi membolehkan lebih ramai pengguna mendapatkan produk berdasarkan pertanian dan industri asas tani dengan harga berpatutan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin bagaimanapun berkata, penganjurannya akan mengambil kira kemampuan penganjur serta kapasiti sesuatu lokasi, sebelum ia dilaksanakan.

Beliau berkata sebelum ini untuk 2023, pengan-

juran FAMA Fest dirancangkan untuk diadakan di lima negeri iaitu Perak, Sarawak, Johor, Pulau Pinang serta Terengganu.

"Ini sesuatu yang saya rasa memang boleh kita laksanakan dan kita akan koordinasi di antara agensi dan jabatan kerajaan, untuk kita sama-sama jayakannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Perak FAMA Fest 2023, di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak di Gopeng kelmarin.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian Dan Industri Makanan negeri Datuk Mohd Zolkafly

Harun, serta Pengurus Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Aminuddin Zulkifli.

Terdahulu, Chan dalam ucapannya berkata pihaknya nyaysarkan nilai jualan keseluruhan program FAMA Fest pada tahun ini ialah sebanyak RM5 juta, dengan penglibatan seramai 300 orang usahawan.

Beliau berkata Program FAMA Fest yang bermula sejak 2017, diadakan juga bertujuan mewujudkan platform kepada petani dan usahawan memasarkan produk keluaran mereka, selain dapat mempromosi dan memperkenalkan produk mereka dengan lebih meluas lagi.
— Bernama